

Pas sedia beri sokongan kepada Keadilan

UM 25 DEC 2007

KOTA BHARU 24 Dis. — Pas akan memberi sokongan sekiranya Parti Keadilan Nasional (Keadilan) diberi peluang meletakkan calonnya pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Indera Kayangan di Perlis.

Musryidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat bagaimana pun berkata, setakat ini Pas belum lagi mengadakan mesyuarat mengenai pilihan raya ini.

Ia akan terletak pada hasil mesyuarat jawatankuasa agung parti untuk menentukan sama ada bertanding atau tidak, katanya.

"Dalam pakatan pembangkang, saya ingat ada yang hendak bertanding. Pas pun boleh jadi beri taluan kepada Keadilan, tetapi belum

buat keputusan lagi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Koperasi Bekas Polis Kelantan di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai pilihan raya kecil kawasan Indera Kayangan di Perlis sama ada Pas berminat bertanding atau tidak.

Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Barisan Nasional (BN) akan terus meletakkan calon daripada MCA untuk bertanding di kawasan tersebut.

Pada pilihan raya umum lalu Khor menang dengan majoriti 1,974 undi kepada calon Keadilan, Ko Chu Liang. Khor memperoleh 3,825 undi manakala Ko 1,851 undi.